

KERTAS KERJA AKTIVITI MINGGU KERJAYA NORMA BAHARU PERINGKAT SEKOLAH BAGI TAHUN 2020

1.0 NAMA KERTAS

Kertas cadangan Pelaksanaan Minggu Kerjaya Norma Baharu SK Putrajaya Presint 11(2) 2020 ini dikemukakan kepada Guru Besar SK Putrajaya Presint 11(2) untuk kelulusan peruntukan kewangan.

2.0 PENDAHULUAN

Pada hari ini kedudukan kelas dan pekerjaan selalu menjadi pengukur mobiliti sosial. Pemilihan bidang kerjaya dan pendidikan semakin dirasai rumit disebabkan terdapatnya berbagai kebolehan manusia. Di samping itu kemajuan yang semakin pesat yang dialami oleh negara telah menyebabkan bidang pengkhususan pekerjaan dan pendidikan berkembang dengan begitu pesatnya. Pertumbuhan bidang pengkhususan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh sistem ekonomi negara yang semakin kompleks. Pemilihan kerjaya juga dipengaruhi oleh etnik, jantina dan persekitaran tempat tinggal.

Sebelum individu menceburkan diri dalam bidang pekerjaan, mereka terlebih dahulu mengenalpasti bidang yang mereka minati. Individu berkenaan juga akan menggunakan pengetahuan dan kebolehan mereka untuk mengenalpasti bidang-bidang kerjaya yang ada. Mereka membentuk stereotaip mengikut minat dan adalah baik jika mereka mendapat kerja yang sesuai dengan stereotaip tersebut. Ini adalah penting kerana jika menceburi bidang yang tidak diminati, mereka tidak akan mencapai tahap kepuasan kerja. Ini menyebabkan seseorang itu akan bertukar kerja sebelum menemui bidang yang benar-benar diminatinya. Mereka yang memilih bidang berdasarkan minat mereka akan mencapai kepuasan kerja dan ini akan menyebabkan mereka meneruskan kerjaya tersebut.

3.0 MATLAMAT

Mempertingkatkan semangat murid dalam pelajaran untuk mencapai cita-cita mereka.

4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Murid-murid berpengetahuan tentang diri dan kaitannya dengan kerjaya
- 4.2 Memberi peluang kepada murid-murid untuk meneroka dunia pendidikan dan kerjaya
- 4.3 Membantu murid-murid membuat perancangan kerjaya
- 4.4 Meningkatkan keyakinan dan harga diri.
- 4.5 Melahirkan murid yang celik minda terhadap perkembangan bidang kerjaya masa kini yang akan membantu kemajuan dan pembangunan negara.
- 4.6 Melahirkan semangat perpaduan di kalangan murid semasa aktiviti dijalankan.

5.0 KPI (INDIKATOR OUTPUT DAN OUTCOME)

Output	Murid mengetahui minat kerjaya masing-masing di peringkat sekolah rendah
Outcome	Membantu murid mendapat pendedahan awal berkaitan minat dan cita-cita apabila dewasa nanti Meningkatkan kecenderungan murid untuk lebih fokus terhadap Mata Pelajaran yang perlu mereka kuasai.

6.0 KUMPULAN SASARAN

Semua Murid SK Putrajaya Presint 11(2) dari tahun 1 hingga tahun 6

7.0 PELAKSANAAN

7.1 Tempat :

SK Putrajaya Presint 11(2)

7.2 Tarikh:

16 November Hingga 04 Disember 2020

8.0 PENGISIAN AKTIVITI

8.1 Pelaksanaan aktiviti Bidang kerjaya akan dilaksanakan mengikut Jadual berikut:

Bil	Aktiviti	Penyertaan
1	Doodle Art Kerjaya	Tahap 2
2	Kuiz Kerjaya	Tahap 1
3	Video Pendek "Cita-Citaku"	Semua Murid
4	Anyflip Kerjaya	Semua Murid

9.0 Jawatankuasa Induk Dan Jawatankuasa Pelaksanaan

9.1 Jawatankuasa Induk

Pengerusi: Ustaz Muhammad Irwan Fahmi bin Shaari (Pemangku Guru Besar)

Timb. Pengerusi : Cikgu Noorbaity binti Hussin (PK Pentadbiran)
: Cikgu Sharmizyan Maya Bte Mohd. Mayasin (PK Kokurikulum)

Penyelaras : Cikgu Wan Norlelawati bt Wan Abdul Kadir (GBKSM)

Setiausaha : Nor Hanum binti Harun (GBKSM)

9.2 Jawatankuasa Pelaksana

Jurufoto : Semua guru

Dokumentasi: Cikgu Wan Norlelawati bt Wan Abdul Kadir (GBKSM)
Cikgu Nor Hanum binti Harun (GBKSM)

Fasilitator : Semua Guru
Pembimbing Rakan Sebaya

10.0 PERBELANJAAN/ANGGARAN KOS:

10.1 Anggaran Perbelanjaan

Acara	Kategori Hadiah	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Kos	Jumlah
Doodle Art Kerjaya - Tahap 2	Hadiah 1 Hadiah 2 Hadiah 3 Hadiah 4 Hadiah 5 Saguhati	3 Unit 3 Unit 3 Unit 3 Unit 3 Unit 20 Unit	RM15.00 x 3 unit RM15.00 x 3 unit RM10.00 x 3 unit RM10.00 x 3 Unit RM8.00 x 3 unit RM5.00 x 20 Unit	RM45.00 RM45.00 RM30.00 RM30.00 RM24.00 RM100.00	RM274.00
Kuiz Kerjaya - Tahap 1	Hadiah Alat Tulis	26 Unit	RM3.00 x 26 unit	RM78.00	RM78.00
Video Pendek "Cita-Citaku" - Semua Murid	Hadiah 1 Hadiah 2 Hadiah 3 Hadiah 4 Hadiah 5 Saguhati	6 Unit 6 Unit 6 Unit 6 Unit 6 Unit 46 Unit	RM15.00 x 6 unit RM15.00 x 6 unit RM10.00 x 6 unit RM10.00 x 6 Unit RM8.00 x 6 unit RM5.00 x 46 Unit	RM90.00 RM90.00 RM60.00 RM60.00 RM48.00 RM230.00	RM578.00
Anyflip Kerjaya - Semua Murid	Hadiah 1 Hadiah 2 Hadiah 3 Hadiah 4 Hadiah 5 Saguhati	6 Unit 6 Unit 6 Unit 6 Unit 6 Unit 46 Unit	RM15.00 x 6 unit RM15.00 x 6 unit RM10.00 x 6 unit RM10.00 x 6 Unit RM8.00 x 6 unit RM5.00 x 46 Unit	RM90.00 RM90.00 RM60.00 RM60.00 RM48.00 RM230.00	RM578.00
Jumlah Perbelanjaan					1508.00

10.2 Peruntukan Kewangan

BIL	SUMBER KEWANGAN	JUMLAH PENUH (RM)
	Peruntukan Sedia Ada – Bimbingan Dan Kaunseling	1,532.85
1.	Program Aktiviti Kerjaya Norma Baharu	1,508.00
	Baki	24.85

Peruntukan kewangan diluluskan oleh,

(MUHAMMAD IRWAN FAHMI BIN SHAARI)

b/p Guru Besar

SK Putrajaya Presint 11(2)

11.0 PENUTUP DAN HARAPAN

Adalah diharapkan segala cadangan dan program yang dirancang ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semoga segala usaha dan kerjasama semua pihak akan memeriahkan lagi acara program bidang kerjaya peringkat sekolah pada tahun ini.

Disediakan oleh

(WAN NORLELATI BT W. ABD. KADIR)

Guru Bimbingan dan Kaunseling

Penyelaras Minggu Kerjaya

SK Putrajaya Presint 11(2)

62300 Putrajaya

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN AKTIVITI MINGGU KERJAYA

SEMUA MURID DIBERI PILIHAN UNTUK MENYERTAI MANA-MANA AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING

1. Doodle Art Kerjaya (Tahap 2)

- Murid perlu melukis Poster Kerjaya dalam bentuk Doodle Art.
- Menggunakan Kertas A4 atau A3
- Tema adalah bebas

2. Kuiz Kerjaya (Tahap 1)

- Kuiz kerjaya akan diberikan kepada semua murid Tahap 1 **melalui "Group Whassap"** Kelas

3. Video Pendek "Cita-Citaku" (Semua Murid)

- Murid diberi pilihan untuk memakai Uniform Kerjaya
- Murid perlu menyampaikan info berkenaan dengan cita-cita pilihan mereka
- Video hendaklah berdurasi 1 hingga 2 minit
- Boleh disampaikan dalam pelbagai Bahasa
- Perlu mematuhi etika dan Bahasa yang sopan

4. Anyflip Kerjaya (Semua Murid)

- Perlu disediakan dalam bentuk Anyflip
- Murid boleh menggunakan Format Powerpoint
- Minimum 3 Slide
- Tajuk adalah bebas
- Perkara yang perlu ada dalam Slide :
 - a) Nama dan kelas peserta
 - b) Nama Kerjaya Pilihan
 - c) Bidang Tugas
 - d) Tempat Pekerjaan
 - d) Kelayakan
 - e) Dan Lain-Lain

